



## Lawatan PM ke China bawa limpahan ekonomi, pindah teknologi

**Secara** mikro, lawatan kerja Datuk Seri Anwar Ibrahim ke China atas jemputan rakan sejawatnya, Li Qiang memperkukuh hubungan dua hala dalam konteks diplomatik mahupun ekonomi, apatah lagi Malaysia diangkat menjadi 'Country of Honour' di Ekspo Import Antarabangsa China (CIIE). Bagaimanapun kunjungan Perdana Menteri itu sangat signifikan dengan mengambil kira pelbagai faktor penting berlaku mutakhir ini terutama peranan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2025 dan penyertaan kita dalam blok ekonomi penting BRICS yang dipersetujui sebulat suara negara anggota asalnya.

Malah, satu lagi perubahan antarabangsa tidak kurang penting tentunya perubahan pentadbiran Rumah Putih di Amerika Syarikat (AS) apabila Donald Trump berada di ambang kemenangan Pilihan Raya Presiden apabila memenangi 'medan tempur' kritikal di beberapa negeri dianggap 'bandul berayun' atau swing state. Dengan dasar ekonomi Trump mungkin kembali terarah kepada dalaman AS, kedudukan Malaysia dalam BRICS dan ASEAN menawarkan ruang lebih luas untuk memperkukuh kerjasama serantau dan antarabangsa. Ini kerana Trump dijangka meneruskan dasar proteksionisme seperti penggal pertamanya, sekali gus membawa pendekatan unilateral dan tekanan terhadap rakan perdagangan.

Sebagai rakan dagang utama selama 15 tahun, hubungan Malaysia-China antara tunjang utama dalam ekonomi negara. Pada 2023 sahaja, perdagangan antara kedua-dua negara mencapai RM450.84 bilion, menyumbang hampir 17.1 peratus kepada keseluruhan perdagangan Malaysia. Justeru, kerjasama ini adalah asas penting dalam memastikan kestabilan ekonomi Malaysia, terutama dalam sektor teknologi tinggi dan tenaga boleh diperbaharui yang menjadi antara fokus China serta dasar penting Malaysia seperti Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030 dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR).

Di pentas ASEAN, peranan Malaysia sebagai pengerusi juga menawarkan peluang penting untuk mempromosikan agenda keseimbangan global lebih adil seperti disarankan dasar luar China melalui BRICS. Malaysia dengan kerangka serantau dan inklusif bersama negara sekitar dapat meningkatkan kerjasama dengan rakan dagang utama lain seperti China, selain negara Majlis Kerjasama Teluk (GCC). Dalam konteks ini, Malaysia dapat melaksanakan peranan sebagai penggerak diplomasi ekonomi lebih terbuka, tanpa terlalu bergantung kepada AS, yang kini semakin sukar diramal akibat peralihan politik daripada Demokrat kepada Republikan.

Sebagai ekonomi kelima terbesar di dunia, ASEAN mempunyai potensi besar untuk mendorong pertumbuhan sosioekonomi serantau. Lawatan Anwar ke China yang antara agendanya adalah dialog bersama Presiden Xi Jinping memberikan peluang untuk Malaysia meneroka lebih banyak peluang pelaburan China dalam sektor strategik Malaysia. Ia sejajar dengan komitmen Malaysia untuk membangunkan wilayah sempadan dan mengatasi jurang pembangunan ekonomi dalam ASEAN.

Kita yakin lawatan kerja Perdana Menteri bukan sahaja penting dalam konteks ekonomi negara, sebaliknya ia bakal membawa limpahan kepada pelbagai sektor ekonomi termasuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS), selain merencanakan industri hiliran kesan daripada kemasukan pelaburan ke dalam negara. Malah, kita juga mengharapkan kesan positif bukan hanya membabitkan pelaburan, bahkan pemindahan teknologi dan kepakaran dimiliki China yang terbukti mengatasi kemajuan di dunia Barat.